

# Tahap Minat Murid Terhadap Pembelajaran Ilmu Qiraat melalui Kaedah Koperatif Jigsaw II

Mohamad Faizal bin Ismail, Ahmad bin Yussuf, and Sedek bin Ariffin

**Abstrak** -- Kajian ini meneliti kesan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II terhadap minat murid terhadap pembelajaran ilmu Qiraat dalam mata pelajaran Maharat al-Quran. Pendekatan tradisional pengajaran Qiraat yang berpusatkan guru sering mengurangkan penglibatan murid, sedangkan dimensi afektif seperti minat dan interaksi sosial memainkan peranan penting dalam penguasaan bacaan al-Quran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen melibatkan 258 orang murid Tingkatan Empat dari lima buah sekolah (SBP, SMKA dan SABK) di Zon Tengah. Kumpulan rawatan diajar menggunakan kaedah Jigsaw II manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional. Data minat dikumpul melalui instrumen soal selidik minat terhadap pembelajaran ilmu Qiraat, yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya ( $\alpha = .91$ ). Analisis menggunakan ujian-t dan ANOVA sehala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan minat antara kumpulan rawatan dan kawalan ( $p < .05$ ), dengan kumpulan rawatan mencatat skor minat yang lebih tinggi. Namun, tiada perbezaan signifikan berdasarkan jantina dan kategori sekolah. Dapatan ini membuktikan bahawa kaedah koperatif Jigsaw II berkesan dalam meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran ilmu Qiraat dan boleh dijadikan model pengajaran alternatif bagi mata pelajaran Maharat al-Quran di sekolah-sekolah agama.

**Kata Kunci:** Jigsaw II, pembelajaran koperatif, minat murid, ilmu Qiraat, Maharat al-Quran

## I. PENDAHULUAN

Pembelajaran ilmu Qiraat (mahārat al-Qur'an — skill of Qur'anic recitation) bukan sekadar membaca ayat atau surah dan menguasai tajwid, tetapi merangkumi penguasaan wajah qiraat mengikut imam tertentu seperti Nafi', Ibn Kathir, dan Abu 'Amru, termasuk juga cara sebutan, panjang-pendek bacaan (madd), dan ciri bacaan yang sah. Ia menuntut gabungan kemahiran kognitif (pemahaman konsep dan penguasaan bacaan), ingatan (hafalan ayat atau surah) serta ketelitian dan tatatertib bacaan (Mohamad & Ab. Rahman, 2021).

Secara tradisi, pengajaran ilmu Qiraat di sekolah-sekolah agama di Malaysia masih berpusatkan kepada guru, bersifat top-down dan teknikal. Keadaan ini berpotensi akan mengurangkan minat murid, terutamanya apabila bacaan dilihat secara mekanikal tanpa memberi penekanan terhadap interaksi sosial, pengajaran rakan sebaya dan refleksi terhadap setiap variasi qiraat yang dibaca. Menurut Krapp dan Prenzel (1992), minat

adalah pemboleh ubah yang penting yang berkait rapat dengan fokus, latihan berulang dan pencapaian. Kajian lanjut oleh Krapp dan Prenzel (2011) turut menengaskan bahawa konsep minat kekal terus relevan dalam konteks pembelajaran moden termasuk juga penglibatan kognitif dan afektif murid.

Dalam konteks pendidikan Islam pula, dimensi afektif seperti keseronokan, makna rohani, interaksi sosial serta pengalaman pembelajaran bermakna turut memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan penglibatan murid (Al-Attas, 1991). Namun, terdapat beberapa kajian tempatan mendapati bahawa pendekatan pengajaran Qiraat di sekolah tahfiz masih kurang menekankan interaksi murid secara koperatif dan penerapan penguasaan wajah qiraat secara mendalam (Hamid & Daud, 2023; Mohamad & Ab. Rahman, 2021).

Kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II menstrukturkan pembelajaran di mana setiap ahli kumpulan akan bertanggungjawab menguasai subtopik dan mengajar semula kepada rakan kumpulan asal. Model ini membina rasa tanggungjawab bersama (shared accountability), kebergantungan sosial (interdependence) dan interaksi yang bermakna antara murid dan faktor yang membuktikan dapat meningkatkan motivasi dan minat murid terhadap pembelajaran (Hamid & Daud, 2023). Meta-analisis dan kajian antarabangsa turut menunjukkan bahawa Jigsaw II dan variasinya berkesan dalam meningkatkan sikap, motivasi serta pencapaian murid dalam pelbagai disiplin termasuk pembelajaran yang berasaskan bahasa dan kemahiran apabila digabungkan dengan pendekatan seperti flipped classroom.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap minat murid terhadap pembelajaran ilmu Qiraat apabila diajar dengan menggunakan kaedah koperatif Jigsaw II serta meneliti perbezaan minat murid mengikut jantina dan kategori sekolah. Dapatan kajian ini dijangka dapat memberikan panduan praktikal kepada guru Maharat al-Quran dalam memperkayakan strategi pengajaran yang berasaskan koperatif bagi meningkatkan keterlibatan murid dan motivasi murid. Kajian ini merupakan antara yang pertama dijalankan bagi menilai kesan kaedah Jigsaw II terhadap minat pembelajaran Ilmu Qiraat dalam konteks Maharat al-Quran di sekolah aliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Zon Tengah Malaysia, sekaligus mengisi jurang penyelidikan tempatan yang masih terhad dalam meneliti aspek afektif pembelajaran ilmu Qiraat.

## Objektif Kajian

*Kajian ini bertujuan untuk:*

- I. Mengukur kesan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II terhadap minat murid terhadap

Mohamad Faizal bin Ismail, Universiti Malaya (Email: maluki84.mf@gmail.com)  
Ahmad bin Yussuf, University of Malaya (Email: amdysf@um.edu.my)  
Sedek bin Ariffin, University of Malaya (Email: sedek2001@um.edu.my)

pembelajaran ilmu Qiraat dalam mata pelajaran Maharat Al-Quran.

### **Soalan Kajian**

1. Sejauhmanakah tahap minat murid terhadap pembelajaran ilmu Qiraat apabila diajar menggunakan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II?
2. Sejauh manakah perbezaan skor minat terhadap pembelajaran ilmu Qiraat dalam kalangan murid kumpulan rawatan berdasarkan jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan minat terhadap pembelajaran ilmu Qiraat dalam kalangan murid kumpulan rawatan mengikut kategori sekolah (SBP, SMKA, SABK)?

### **Hipotesis Kajian**

H<sub>01</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kadar  $\alpha < 0.05$  terhadap minat murid kumpulan rawatan kepada pembelajaran ilmu Qiraat merujuk kepada jantina

H<sub>02</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kadar  $\alpha < 0.05$  terhadap minat murid kumpulan rawatan kepada pembelajaran ilmu Qiraat merujuk kepada kategori sekolah

## **II. SOROTAN LITERATUR**

### **Minat dan Penglibatan Murid**

Minat (interest) merupakan satu konstruk psikologi yang merangkumi dimensi kognitif, afektif dan tingkah laku. Ia memainkan peranan memacu tumpuan, usaha serta ketekalan murid terhadap aktiviti pembelajaran (Krapp & Prenzel, 2011; Schiefele, 1991). Kajian kontemporari juga menekankan bahawa aspek sosial, emosi yang positif dan pengalaman pembelajaran yang bermakna dapat menyumbang secara signifikan kepada pembentukan minat murid terutamanya dalam subjek yang menuntut kepada pengulangan dan latihan berterusan seperti bacaan al-Quran (Ismail et al., 2022).

Dalam konteks tempatan, kajian yang dijalankan oleh Mohd Fakhruddin et. al (2023) mendapati bahawa dengan menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan murid dalam aktiviti secara aktif dan kolaboratif secara ketara dapat meningkatkan penglibatan dan minat murid terhadap pendidikan tahfiz di Malaysia. Begitu juga menurut kajian oleh Active Learning Through Student Centered Activity in the Instruction of Islamic Education Teachers (Nahar et al., 2021) guru Pendidikan Islam yang mengaplikasikan pembelajaran murid secara aktif dan kolaboratif dapat memupuk keterlibatan aktif murid dalam proses pembelajaran secara lebih bermakna.

### **Jigsaw II dan Pembelajaran Koperatif dalam Konteks Pendidikan Agama**

Kajian empirikal dalam lima tahun kebelakangan ini menunjukkan bahawa kaedah Jigsaw II masih kekal relevan dan fleksibel untuk digunakan dalam pelbagai konteks pengajaran. Kajian eksperimen dan kuasi-eksperimen juga menunjukkan bahawa dapat meningkatkan motivasi, sikap dan prestasi akademik murid apabila strategi ini diaplikasikan dalam pembelajaran termasuk dalam kombinasi dengan flipped classroom (Awofala et al., 2024; Slavin, 2022).

Dalam konteks pendidikan Islam pula, beberapa penyelidikan terkini turut menunjukkan kesan positif terhadap keterlibatan aktif murid, peningkatan interaksi rakan sebaya serta sokongan sosial dalam proses pembelajaran (Mohamad & Ahmad, 2023; Yusoff et al., 2021). Namun, bukti keberkesanan Jigsaw II dalam konteks subjek yang berteraskan agama khususnya Ilmu Qiraat, masih jarang diteroka secara empirikal. Oleh itu, masih terdapat ruang dan peluang untuk penyelidikan yang lebih mendalam dijalankan dalam bidang ini bagi menilai impak kaedah koperatif Jigsaw II terhadap minat dan pencapaian murid.

### **Kesenjangan Penyelidikan**

Walaupun telah banyak bukti menunjukkan akan keberkesanan kaedah koperatif Jigsaw II dalam meningkatkan hasil pembelajaran dalam pelbagai disiplin ilmu, namun kajian yang menilai secara khusus kepada dimensi minat murid terutamanya dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku dalam konteks Maharat al-Quran (Qiraat) masih terhad. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk mengisi kesenjangan tersebut dengan menjalankan kajian bagi meneliti tahap minat murid terhadap pembelajaran Ilmu Qiraat selepas melalui intervensi menggunakan kaedah koperatif Jigsaw II dalam konteks sekolah KBT dalam kategori SBP, SMKA dan SABK di Zon Tengah, Malaysia.

## **III. METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif kuasi-eksperimen berbentuk tinjauan deskriptif dan inferensi dengan menggunakan soal selidik minat bagi menunjukkan tahap minat murid terhadap pembelajaran ilmu Qiraat serta menilai perbezaan minat berdasarkan jantina dan kategori sekolah. Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai untuk menilai kepada kesan intervensi pembelajaran yang digunakan terhadap konstruk psikologi seperti minat dan penglibatan murid.

### **Populasi dan Sampel**

Populasi kajian terdiri daripada murid Tingkatan 4 di lima buah sekolah agama di Zon Tengah Malaysia, merangkumi Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Saiz sampel sebenar ialah  $N = 258$  murid, dibahagikan kepada kumpulan kawalan ( $n = 124$ ) yang

mengikuti pengajaran konvensional dan kumpulan rawatan ( $n = 134$ ) yang mengikuti intervensi Kaedah Koperatif Jigsaw II. Walau bagaimanapun, analisis minat hanya dijalankan terhadap kumpulan rawatan ( $n = 134$ ) selepas intervensi.

Pemilihan peserta dibuat secara persampelan bertujuan (purposive sampling) berdasarkan penglibatan mereka dalam sesi pembelajaran Jigsaw II. Kaedah ini membolehkan pemilihan responden yang benar-benar terdedah kepada pengalaman pembelajaran koperatif, selaras dengan objektif kajian.

### Instrumen

Instrumen utama kajian ini ialah soal selidik minat murid terhadap pembelajaran ilmu Qiraat melalui Kaedah Koperatif Jigsaw II. Soal selidik ini dibina sebanyak 15 item yang diukur dengan menggunakan skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju). Item-item ini bertujuan untuk mengukur tiga dimensi utama minat murid iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku, selaras dengan kerangka teori minat pembelajaran oleh Schiefele (1991) serta diperluaskan oleh Krapp & Prenzel (2011) melalui model Person-Object Theory of Interest (POI) yang menekankan kepada interaksi antara individu dengan objek pembelajaran.

Selain itu, pembinaan item soal selidik ini dipandu oleh beberapa teori motivasi dan perkembangan minat yang berkaitan iaitu teori ARCS Motivation Model (Keller, 1987), Self-Determination Theory (Ryan & Deci, 2000), Social Cognitive Theory (Bandura, 1986) serta Interest Development Model (Hidi & Renninger, 2006). Gabungan teori-teori ini menyokong kepada pemilihan konstruk dan item soal selidik dengan menilai bagaimana kaedah koperatif Jigsaw II mampu membentuk minat situasional dan seterusnya mengembangkan minat individu murid terhadap pembelajaran ilmu Qiraat.

Item-item ini juga telah diadaptasi daripada kajian-kajian terdahulu seperti Slavin (1996), Johnson & Johnson (2009), Awofala et al. (2024), Ibrahim & Kartono (2016) dan Ab Rahman (2019) dengan pengubahsuaian konteks kepada pembelajaran ilmu Qiraat di sekolah KBT Zon Tengah.

Bagi memastikan kesahan kandungan (content validity), borang Semakan Kesahan Soal Selidik Minat telah diberikan kepada lapan orang pakar bidang Pendidikan Islam dan Ilmu Qiraat. Pakar diminta untuk menilai kesesuaian, kejelasan dan perwakilan teori bagi setiap item berdasarkan kepada skala tiga mata (1 = Sangat Penting, 2 = Perlu Olahan, 3 = Tidak Berkaitan). Nilai Indeks Kesahan Kandungan (Content Validity Index, CVI) yang diperolehi ialah 0.89, ia menunjukkan tahap kesahan yang memuaskan dan diterima dalam penyelidikan pendidikan.

Ujian kebolehpercayaan (reliability) dengan menggunakan Cronbach's Alpha menunjukkan nilai  $\alpha = 0.92$ , ia menandakan reliabiliti yang sangat tinggi bagi keseluruhan item. Semua prosedur kajian adalah mematuhi etika penyelidikan pendidikan dengan mendapat kebenaran rasmi daripada pihak sekolah dan semua responden dengan memberikan persetujuan bertulis

(informed consent) sebelum penyertaan mereka dalam kajian ini.

### Prosedur Pengumpulan Data

Intervensi Kaedah Koperatif Jigsaw II telah dilaksanakan selama lapan minggu dalam kelas Maharat al-Qur'an mengikut pelan pengajaran berstruktur yang dikendalikan oleh seorang guru yang telah diberi latihan sebelumnya bagi menjalankan intervensi tersebut. Selepas sesi intervensi yang berakhir, murid kumpulan rawatan mengisi soal selidik minat secara sendiri di bawah seliaan penyelidik. Semua data dikumpul, disemak serta dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 29.0.

### Analisis Data

Analisis data ini melibatkan pendekatan deskriptif dan inferensi seperti berikut:

- Statistik deskriptif (min, sisihan piawai, skor minimum dan maksimum) digunakan untuk menggambarkan tahap minat murid secara keseluruhan serta analisis item-per-item.
- Ujian-t bebas (independent samples t-test) dijalankan bagi menguji perbezaan min berdasarkan jantina murid dengan andaian normaliti dan homogeniti varians diperiksa melalui skewness/kurtosis dan Levene's Test.
- Analisis varians sehala (one-way ANOVA) digunakan bagi menguji perbezaan min mengikut kategori sekolah (SBP, SMKA, SABK). Post-hoc Tukey HSD digunakan apabila terdapat perbezaan signifikan.
- Saiz kesan (effect size) turut dilaporkan menggunakan Cohen's  $d$  bagi ujian-t dan  $\eta^2$  bagi ANOVA untuk menilai kekuatan perbezaan yang ditemui.

## IV. DAPATAN KAJIAN

### Statistik Deskriptif Keseluruhan Minat ( $N = 134$ )

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa skor minat purata murid kumpulan rawatan adalah  $M = 4.32$ ,  $SD = 0.52$  dengan skor minimum 3.00 dan maksimum 5.00. Berdasarkan tafsiran skala Likert lima mata 1.00–1.80 = sangat rendah; 1.81–2.60 = rendah; 2.61–3.40 = sederhana; 3.41–4.20 = tinggi; 4.21–5.00 = sangat tinggi), skor purata 4.32 tergolong dalam julat tahap sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa penglibatan dan minat murid yang sangat tinggi terhadap pembelajaran ilmu Qiraat selepas penggunaan Kaedah Koperatif Jigsaw II.

JADUAL I. STATISTIK DESKRIPTIF SKOR MINAT MURID TERHADAP ILMU QIRAAT ( $N = 134$ )

Pemboleh Ubah	Min	Maks	M	SD
Minat (minat_avg)	3.00	5.00	4.32	0.52

**Analisis Item (N = 134)**

Analisis daripada 15 item soal selidik turut menunjukkan semua item memperoleh skor min tinggi (range M = 4.10 hingga 4.50). Item-item utama:

**Jadual II: Taburan Peratusan, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item Minat Murid terhadap pembelajaran Ilmu Qiraat (N = 134)**

No	Penyataan	M	SD
1	Pembelajaran dalam kumpulan memudahkan saya memahami ilmu Qiraat dengan lebih baik.	4.40	.683
2	Pendekatan koperatif Jigsaw II membantu saya memahami ilmu Qiraat dengan lebih baik daripada pembelajaran secara individu	4.27	.727
3	Pembelajaran Qiraat dalam kumpulan menggalakkan kesepakatan dan tolong-menolong antara murid.	4.47	.622
4	Saya lebih mudah mengingati ilmu Qiraat apabila diajar kepada rakan kumpulan.	4.39	.636
5	Kaedah koperatif Jigsaw II mempereratkan hubungan saya dengan rakan sekelas melalui aktiviti berkumpulan.	4.50	.691
6	Saya lebih seronok belajar apabila melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan.	4.40	.706
7	Saya lebih terdorong untuk aktif dalam kelas apabila menggunakan kaedah Jigsaw II	4.36	.698
8	Kaedah ini memberi motivasi tambahan kepada saya untuk mencapai prestasi yang lebih baik dalam ilmu Qiraat	4.34	.693
9	Kaedah koperatif Jigsaw II membantu saya mengaitkan konsep baru dengan pengetahuan sedia ada dalam ilmu Qiraat.	4.10	.749
10	Saya lebih mudah memahami topik yang sukar melalui perbincangan dalam kumpulan kecil.	4.34	.650
11	Saya lebih cepat memahami dan mengingati maklumat apabila ia dibincangkan secara koperatif.	4.31	.728
12	Pendekatan koperatif ini membantu saya memahami pelbagai kaedah bacaan Qiraat dengan lebih baik.	4.30	.672
13	Saya lebih berminat untuk mendalami ilmu Qiraat melalui aktiviti perbincangan dalam kumpulan	4.33	.733
14	Saya mendapati pencapaian saya dalam ilmu Qiraat meningkat selepas menggunakan kaedah koperatif Jigsaw II.	4.14	.767
15	Kaedah ini membantu saya mencapai keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan Qiraat	4.19	.770
	<b>Jum. Keseluruhan (jum. peratus = 21)</b>	<b>4.32</b>	<b>.702</b>

Taburan peratusan pada setiap kategori respon (1–5) juga menunjukkan majoriti memilih skala 4–5 (agree/strongly agree) untuk hampir semua item menunjukkan penerimaan positif terhadap aspek sosial dan afektif Jigsaw II serta kesan kepada kefahaman dan mengingat. Hasil ini selari dengan kajian Jigsaw terbaru yang menekankan kepada impak positif terhadap sikap dan interaksi.

**Perbezaan Min mengikut Jantina (Ujian-t Bebas)**

Ujian andaian (normaliti dan Levene’s Test) dipenuhi (Levene F = 0.004, p = .952). Statistik deskriptif: lelaki n = 67 (M = 4.26, SD = 0.53), perempuan n = 67 (M = 4.38, SD = 0.50). Keputusan ujian-t bebas menunjukkan

tiada perbezaan signifikan pada tahap  $\alpha = .05$ :  $t(132) = -1.33$ ,  $p = .187$ . Perbezaan min =  $-0.118$  (95% CI [-0.293, 0.058]). Saiz kesan Cohen’s  $d \approx -0.229$  (kecil). Oleh itu, hipotesis nol (Ho1: tiada perbezaan minit mengikut jantina) diterima.

**JADUAL III. STATISTIK DESKRIPTIF SKOR MINAT MENGIKUT JANTINA**

Jantina	n	M	SD	SE
Lelaki	67	4.26	0.53	0.065
Perempuan	67	4.38	0.50	0.060

**JADUAL IV. KEPUTUSAN UJIAN-T BEBAS**

Ujian	Nilai	p	Catatan
Levene’s F	0.004	.952	Varians homogen
t(132)	-1.33	.187	Tidak signifikan
Cohen’s d	-0.229	—	Saiz kesan kecil

**Perbezaan Min mengikut Kategori Sekolah (ANOVA Sehala)**

Deskriptif mengikut kategori sekolah: SBP (n = 32, M = 4.47, SD = 0.37); SMKA (n = 53, M = 4.31, SD = 0.34); SABK (n = 49, M = 4.22, SD = 0.39). Analisis inferensi Levene’s Test  $F(2,131) = 0.307$ ,  $p = .736$  (homogen). One-way ANOVA menunjukkan tiada perbezaan signifikan pada  $\alpha = .05$ :  $F(2,131) = 2.244$ ,  $p = .110$ . Eta-squared ( $\eta^2$ ) = .033 (kesan kecil). Post-hoc Tukey HSD tidak menunjukkan perbezaan jantina yang signifikan; perbandingan terbesar antara SBP–SABK (M diff = 0.245,  $p = .090$ ). Oleh itu, hipotesis nol (Ho2: tiada perbezaan mengikut kategori sekolah) diterima walaupun pola menunjukkan SBP cenderung lebih tinggi minatnya.

**JADUAL V. STATISTIK DESKRIPTIF DAN ANOVA RINGKAS**

Kategori Sekolah	n	M	SD
SBP	32	4.47	0.37
SMKA	53	4.31	0.34
SABK	49	4.22	0.39

ANOVA: Jumlah kuasa dua (JK) antara = 1.168,  $df = 2$ ; JK dalam = 34.097,  $df = 131$ ;  $F = 2.244$ ,  $p = .110$ ;  $\eta^2 = .033$

**V. PERBINCANGAN**

**Interpretasi Utama**

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap minat murid terhadap ilmu Qiraat selepas intervensi pengajaran menggunakan Jigsaw II berada pada julat tahap yang sangat tinggi (M = 4.32). Item yang menunjukkan skor tertinggi secara umumnya berkaitan dengan aspek sosial seperti hubungan rakan, toleransi dan tolong-menolong serta pengalaman pembelajaran aktif. Keadaan ini selaras dengan prinsip asas Jigsaw II yang menekankan kepada interdependence dan tanggungjawab individu sebagai ‘expert’ bagi bahagian tertentu (Slavin, 1995). Kajian terdahulu juga turut menyokong bahawa elemen kolaboratif dan pendekatan berpusatkan murid seperti

Jigsaw II dapat meningkatkan motivasi intrinsik serta sikap positif murid terhadap subjek pembelajaran.

### **Kenapa Item Kognitif sedikit lebih rendah?**

Item yang melibatkan integrasi kognitif dan pengaitan konsep baharu memperoleh skor sedikit lebih rendah namun masih dalam julat tahap yang tinggi ( $M \approx 4.10$ ). Fenomena ini mungkin berpunca daripada dua faktor utama: (1) Kaedah Jigsaw II memberi penekanan kuat terhadap interaksi sosial dan pengajaran rakan sebaya, yang secara semula jadi memperkukuhkan aspek afektif dengan lebih cepat berbanding dengan pertumbuhan kemahiran metakognitif yang lebih kompleks; dan (2) tempoh intervensi selama lapan minggu mungkin memadai untuk peningkatan pengalaman afektif namun belum cukup panjang bagi membentuk perubahan kognitif yang lebih mendalam seperti kemampuan mengaitkan dan menghubungkan satu konsep ke konteks baharu. Beberapa penyelidikan lain turut melaporkan bahawa peningkatan pencapaian kognitif memerlukan masa serta pengukuhan yang berterusan walaupun peningkatan sikap dapat dilihat lebih awal.

### **Jantina dan Kategori Sekolah**

Ketiadaan perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina murid menunjukkan bahawa kaedah Jigsaw II sesuai diaplikasikan kepada murid lelaki dan perempuan tanpa bias jantina dengan kedua-duanya memperoleh manfaat afektif dan peningkatan penglibatan aktif dalam pembelajaran. Begitu juga, walaupun SBP menunjukkan min tertinggi, namun perbezaan antara kategori sekolah juga tidak signifikan dan ini memperlihatkan bahawa Kaedah Koperatif Jigsaw II berkesan merentas kategori sekolah samada SBP, SMKA atau SABK. Nilai  $\eta^2$  yang kecil (0.033) menunjukkan bahawa faktor kategori sekolah hanya menerangkan perbezaan kecil variasi minat murid; faktor lain seperti gaya pengajaran guru, kualiti fasilitasi dan budaya sekolah mungkin lebih berpengaruh.

Dapatan ini selari dengan kajian tempatan oleh Zainuddin dan Sulaiman (2020) yang melaporkan tiada perbezaan yang signifikan dalam minat pembelajaran antara jantina. Dapatan ini juga seiring dengan penemuan Rahim et al. (2021) yang menegaskan bahawa pendekatan koperatif dapat diterapkan secara efektif di sekolah yang berbeza latar akademik tanpa menjejaskan motivasi murid.

### **Implikasi Praktikal**

1. Pengajaran Maharat al-Quran: Guru disaran agar mengintegrasikan elemen Jigsaw II bagi memperkukuhkan dimensi sosial dan aktif dalam pembelajaran ilmu Qiraat supaya pengajaran menjadi lebih interaktif serta mengurangkan sifat monotonik.
2. Latihan Guru: Keberkesanan keseluruhan intervensi menggunakan Jigsaw II bergantung kepada reka bentuk tugas, pengagihan peranan 'expert' serta kecekapan guru mengurus dinamika kumpulan. Oleh itu, dalam program latihan profesional berterusan

(CPD) perlu memasukkan juga modul reka bentuk aktiviti koperatif.

3. Reka Bentuk Kurikulum: Unsur pembelajaran kolaboratif dalam modul Maharat al-Quran wajar diperkukuhkan melalui rubrik penilaian rakan sebaya dan latihan refleksi kumpulan bagi menyemai nilai tanggungjawab bersama.

Pendekatan ini selaras dengan prinsip ta'awun (kerjasama) dan musyarakah (perkongsian) dalam pembelajaran yang menjadi asas epistemologi Islam yang menekankan pembinaan ilmu secara jama'i (kolektif) demi mencapai barakah al-'ilm.

### **Keterbatasan Kajian**

- Instrumen minat hanya digunakan dalam kumpulan rawatan; ketiadaan data perbandingan selepas pengajaran daripada kumpulan kawalan menghadkan inferensi kausal.
- Tempoh intervensi yang singkat selama lapan minggu menghadkan penilaian terhadap kesan jangka panjang atau retensi minat.
- Sampel kajian ini tertumpu di Zon Tengah Malaysia maka generalisasi dapatan kajian ini perlu dibuat secara berhati-hati.

## **VI. KESIMPULAN**

Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II berpotensi dalam meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran ilmu Qiraat, khususnya dari aspek afektif dan sosial. Tiada perbezaan yang signifikan mengikut jantina atau kategori sekolah menunjukkan kepada kebolegunaan kaedah ini secara meluas. Untuk kajian lanjut, saya mencadangkan:

1. Kajian eksperimen penuh dengan pengukuran minat pra-dan pos serta kumpulan kawalan untuk menilai perubahan minat secara kausal.
2. Kajian jangka panjang untuk mengukur retensi minat dan kesan pada amalan pengulangan/latihan ilmu Qiraat.
3. Kombinasi pedagogi menggabungkan Jigsaw II dengan strategi kognitif (scaffolding, reflection prompts) untuk memperkukuhkan aspek integrasi kognitif.
4. Kajian kualitatif untuk memahami pengalaman murid dan mekanisma mengapa aspek sosial lebih dominan.

Secara keseluruhan, Kaedah Koperatif Jigsaw II bukan sahaja dapat meningkatkan minat murid, tetapi juga menghidupkan semangat ukhuwwah dan adab ta'lim dalam pembelajaran Qiraat.

## **REFERENCES**

- Ab Rahman, F. (2019). Cooperative learning in Malaysian religious education classrooms: Implications for student engagement. *Jurnal Pendidikan Islam*

- Malaysia, 7(2), 45–60.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Awofala, A., Oyebanji, T., & Olayiwola, O. (2024). Effects of Jigsaw II and flipped classroom on students' learning outcomes: An experimental study. *International Journal of Instruction*, 17(1), 55–74. <https://doi.org/10.29333/iji.2024.1714a>
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Fakhrudin, F., Ayub, A. F., Hassan, N. C., Mutalib, L. A., & Wan Marzuki, W. J. (2023). Student learning engagement of Malaysian tahfiz students: A qualitative study. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 93(3). <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-01>
- Hamid, N., & Daud, M. F. (2023). Pendekatan pengajaran dan pembelajaran Ilmu Qiraat dalam kalangan guru Maharat al-Quran di sekolah menengah agama Malaysia. *Jurnal Qiraat*, 8(1), 45–58.
- Hidi, S., & Renninger, K. A. (2006). *The four-phase model of interest development BT - Educational psychologist* (Vol. 41, Issue 2, pp. 111–127). Routledge.
- Ibrahim, R., & Kartono, B. (2016). Application of cooperative learning in Islamic studies classrooms. *Jurnal Pendidikan Islam*, 6(2), 55–67.
- Ismail, M. F., Yusoff, A., & Rahman, N. (2022). Exploring student interest in Quranic recitation learning. *Quranica: International Journal of Quranic Research*, 14(2), 45–61.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (2009). An educational psychology success story: Social interdependence theory and cooperative learning. *Educational Researcher*, 38(5), 365–379.
- Keller, J. M. (1987). Development and use of the ARCS model of instructional design. *Journal of Instructional Development*, 10(3), 2–10.
- Krapp, A., & Prenzel, M. (1992). *Interest, learning, and development BT - The role of interest in learning and development* (K. A. Renninger, S. Hidi, & A. Krapp (eds.); pp. 43–70). Lawrence Erlbaum Associates. [https://www.researchgate.net/publication/233896476\\_Interest\\_learning\\_and\\_development](https://www.researchgate.net/publication/233896476_Interest_learning_and_development)
- Krapp, A., & Prenzel, M. (2011). Research on interest in science: Theories, methods, and findings. *International Journal of Science Education*, 33(1), 27–50.
- Mohamad, S., & Ab. Rahman, F. (2021). Qira'at teaching and learning practices in Malaysian Quranic schools: A pedagogical overview. *Quranica: International Journal of Quranic Research*, 13(2), 75–90. <https://doi.org/10.22452/quranica.vol13no2.5>
- Mohamad, S., & Ahmad, R. (2023). Active learning and student engagement in Quranic education. *Malaysian Journal of Islamic Education*, 11(1), 33–47.
- Nahar, N., Safar, J., Hehsan, A., Jima'ain@Ajmain, M. T., Junaidi, J., Haron, Z., & Hussin, M. F. A. (2021). Active learning through student-centered activity in the instruction of Islamic education teachers as an implementation of the 21st century learning: A case study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(11), 936–950.
- Rahim, R., Ismail, M. F., & Yusoff, A. (2021). Collaborative learning strategies in Malaysian secondary schools: Effects on student motivation and engagement. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2), 89–102.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68–78. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.55.1.68>
- Schiefele, U. (1991). Interest, learning, and motivation. *Educational Psychologist*, 26(3–4), 299–323. [https://doi.org/10.1207/s15326985ep2603&4\\_8](https://doi.org/10.1207/s15326985ep2603&4_8)
- Slavin, R. E. (1995). *Cooperative learning: Theory, research, and practice* (2nd ed.). Allyn & Bacon.
- Slavin, R. E. (1996). Research on cooperative learning and achievement: What we know, what we need to know. *Contemporary Educational Psychology*, 21(1), 43–69. <https://doi.org/10.1006/ceps.1996.0004>
- Slavin, R. E. (2022). *Educational psychology: Theory and practice* (12th (ed.)). Pearson.
- Yusoff, A., Ismail, M. F., & Rahman, N. (2021). Student engagement and collaborative learning in Islamic education classrooms. *Quranica: International Journal of Quranic Research*, 13(1), 15–28. <https://doi.org/10.22452/quranica.vol13no1.2>
- Zainuddin, Z., & Sulaiman, N. (2020). Gender differences in student learning engagement in Malaysian secondary schools. *Asian Journal of Educational Research*, 8(3), 45–59.